

Headline	Pelakon kutip derma		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	15	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	187 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,377
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,131



KERUMUN...Fahrin (kiri) mengutip derma untuk Yayasan Aids dikerumuni perwakilan dan orang ramai.

Pelakon kutip derma

KUALA LUMPUR: Perwakilan dan orang ramai yang khusyuk mendengar perbincangan melalui skrin besar sekitar ruang legar utama Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, 'dikejutkan' dengan kehadiran selebriti terkenal, Fahrin Ahmad yang hadir sebagai duta Majlis Aids Malaysia (MAM).

Dia yang diiringi Exco MAM yang juga Pengerusi Biro Kesihatan, Pergerakan

Wanita Umno Malaysia, Dr Soraya Azmi beramah mesra dengan pengunjung sambil mengutip derma untuk pesakit Aids sempena Hari Aids sedunia yang berlangsung, kelmarin.

Fahrin berkata, pendekatan itu diambil bagi mendedahkan orang ramai mengenai penyakit Aids selain secara tidak langsung membangkitkan kesedaran bahawa golongan itu perlu dibantu.

"Kami mahu membuang stigma masyarakat terhadap pesakit Aids. Ramai masih beranggapan penyakit ini berjangkit walhal ia tidak sama sekali.

"Jadi, ia antara fokus dan tujuan kami berada di sini, sambil mengutip derma untuk mereka," katanya.

Fahrin juga memberi pandangan mengenai politik.

"Apa yang ditekankan adalah perpaduan orang Melayu," katanya.